



**INSTITUT KAJIAN MALAYSIA DAN ANTARABANGSA (IKMAS)**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya menjemput warga UKM

ke

**SIRI SEMINAR IKMAS**

**PERGOLAKAN DI PATANI**  
**Punca & Penyelesaian**

**Pembentang:**

**NIK ANUAR BIN NIK MAHMUD**

**Pengarah, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**

**Tarikh/Tempat:**

**15 Mac 2007 (Khamis), 2.30 pm – 4.30 pm**

**Bilik Seminar IKMAS, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi**

**Abstrak**

Sejak 2004 pergolakan di Selatan Thailand, khususnya di Patani, Yala dan Narathiwat, semakin panas dan bergelora. Perubahan pucuk pimpinan di Thailand daripada Thaksin kepada Jeneral Surayud juga tidak mengubah keadaan malahan keganasan semakin meningkat. Beberapa tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa Thai untuk menanganinya sama ada secara kekerasan ataupun berlembut tetapi masih gagal untuk memulihkan pendamaian. Dalam usaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah itu, pihak berkuasa Thai perlu merujuk kepada sejarah. Sejarah telah membuktikan bahawa Patani dan bangsa Melayu Patani telah menjadi mangsa penjajahan dan politik antarabangsa. Sejak Kerajaan Melayu Patani dihapuskan dan Patani dipaksa menjadi wilayah Thailand pada 1902 dan 1909 dengan dukungan British, keadaan di wilayah tersebut tidak pernah aman. Konteks sejarah ini perlu diambil kira dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

**Biografi Ringkas**

**Nik Anuar bin Nik Mahmud** adalah seorang sejarawan dan kini Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam sejarah diplomatik Asia Tenggara. Tumpuan kajian beliau adalah mengenai sejarah perjuangan Melayu Patani. Beliau telah menghasilkan beberapa buah buku mengenai sejarah perjuangan Melayu Patani, antaranya ialah *Sejarah Perjuangan Melayu Patani, 1785-1954* (UKM 1999) dan *The Malays of Patani: The Search for Security and Independence* (UKM 2006). Selain itu, beliau juga mengkaji tentang isu tuntutan bertindih di Asia Tenggara khususnya di antara Malaysia dengan negara-negara jiran. Buku *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara* (UKM 2001) dan *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu Sempadan dan Kedaulatan* (UKM 2003) adalah hasil kajian beliau mengenai isu persempadanan dan tuntutan bertindih.

**SEMUA DIJEMPUT HADIR**

(Untuk maklumat lanjut: 8921-3205/4169 or 8921-3625)